



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL. 1/1998


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersempena dengan menjelangnya tahun Masehi 1998 Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua pegawai dan kakitangan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di seluruh negara.

Dalam perutusan tahun 1997 yang lalu kita menaruh harapan untuk mengukuhkan azam bagi meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam dengan usaha-usaha yang konkrit. Disebutkan bahawa diantara usaha-usaha tersebut ialah pelaksanaan yang sempurna Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang telah dilancarkan dalam tahun 1996. Kita menyedari bahawa pelaksanaannya akan memakan waktu, tambahan pula untuk membudayakannya tentu akan menjalani proses yang berterusan. Tetapi dengan sikap yang positif kita mestilah meneruskan usaha yang sudah dimulakan dan menentukan langkah-langkah yang padu bagi memastikan bahawa Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam tersebut dapat dibudayakan dalam perkhidmatan awam negara ini.

Dalam tahun 1998 kita akan tetap dengan azam dan iltizam untuk mendukung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi sentiasa memelihara keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk. Keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk adalah akan sentiasa menjadi matlamat penting Kerajaan Baginda yangmana kita adalah merupakan pendorong dan pelaksana dasar-dasar yang dibuat. Dalam hubungan ini kita hendaklah sentiasa memberi perhatian kepada perkara-perkara yang melibatkan hubungan Kerajaan dengan orang ramai.

Langkah-langkah seperti mengaktifkan semula Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian adalah untuk merapatkan lagi hubungan pihak-pihak berkuasa kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dengan orang ramai. Sejauh ini kita telah nampak tanda yang positif bagi



pengaliran maklumat dua hala yang memungkinkan pihak-pihak berkenaan kerajaan dan orang ramai akan tetap saling memahami sesuatu permasalahan yang berbangkit dan serentak dengan itu akan cuba mengatasinya secara yang baik. Kita percaya masih banyak yang dapat dibuat untuk lebih merapatkan hubungan antara pihak-pihak kerajaan dan orang ramai. Maka dalam tahun 1998 ini kita berharap semua pihak berkenaan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan akan memberikan perhatian khasnya untuk memperelokkan lagi jaringan perhubungan awam masing-masing.

Akhirnya Jabatan Perdana Menteri ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam dan juga dalam Perkhidmatan Pasukan-Pasukan Keamanan dan Keselamatan. Semoga dalam tahun 1998 ini kita akan terus berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan semangat cintakan Raja dan tanahair.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية

Selamat Tahun Baru 1998

(HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap

Ruj: (1)JPM/SK/1998
Tarikh: 2 Ramadan 1418/1 Januari 1998

PDBO/dkk (27)